

Tertekan setiap kali hujan

Penduduk minta pihak bertanggungjawab atasi masalah mereka secara menyeluruh

NORAFIZA JAAFAR

KUANG - 10 keluarga di KampungKundang Tambahan di sini tertekan apabila rumah mereka kerap dinaiki air setiap kali hujan lebat.

Penduduk, Siti Aishah Said, 73, berkata, tahun ini dua kali rumah penduduk dinaiki air, terbaru Khamis lalu.

Menurutnya, permasalahan itu berlarutan walaupun dibina sistem perparitan berikutan tiada penyelesaian secara menyeluruh.

“Apabila hujan lebat, air dari longkang akan melimpah memasuki kawasan perumahan di tanah rendah.

“Hujan lebat Khamis lalu contohnya sekitar jam 5.30 petang mengakibatkan beberapa rumah penduduk dinaiki air dan beberapa perabot di-

tenggelami limpahan air hujan itu,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Seorang lagi penduduk, Abdul Talib Abdul Rashid, 58, berkata, aktiviti korek pasir berhampiran sistem saliran antara punca masalah itu.

“Tanah menjadi semakin rendah dan saliran air longkang terganggu disebabkan takungan air di kawasan bekas tapak korek pasir.

“Untuk mengelakkan kawasan itu bertakung, penduduk membuat saliran baru di kawasan berkenaan dengan menyambung di longkang utama,” katanya.

Hadir meninjau lokasi Pegawai Penyelaras Dun Kuang, Azman Yaakub yang memaklumkan akan mengambil pendekatan menyelesaikan masalah berkenaan.

“Dua rumah dikenal pasti berada pada tahap kritikal kerap menghadapi masalah dinaiki air akan ditinggikan tembok dan pemasangan bendul secara gotong-royong dalam masa terdekat.

“Untuk jangka masa panjang pula, naik taraf longkang akan dibuat di jalan utama untuk memudahkan kerja penyelenggaraan,” katanya.

Katanya, peruntukan RM182,000 disediakan kini dalam proses menyelesaikan beberapa masalah teknikal itu dijangka bermula pertengahan November ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuang, Abdul Shukor Idrus meminta pihak berkaitan membantu menyelesaikan masalah penduduk di rumah jenis lot berkenaan segera.



Abdul Talib menunjukkan kawasan korek pasir yang ditakungi air bersama mangsa yang rumah mereka turut dinaiki air.